

# Inflasi kekal rendah pada Mei, meningkat 2.0 peratus

**Indeks catat 132.8 mata berbanding 130.2 pada bulan sama tahun sebelumnya**

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

**Inflasi** Malaysia kekal rendah pada Mei dengan peningkatan 2.0 peratus berbanding bulan sama tahun lalu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam kenyataannya berkata, pada bulan berkenaan indeks mencatatkan 132.8 mata berbanding 130.2 pada bulan yang sama tahun sebelumnya.

Dalam laporan Indeks Harga Pengguna (IHP) Mei 2024, DOSM berkata, peningkatan pada Mei 2024 didorong oleh peningkatan bagi kumpulan utama Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (3.2 peratus); Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.2 peratus) dan Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barang & Perkhidmatan (3.0 peratus).

Manakala, Pakaian & Kasut menurun kepada -0.2 peratus dan Insurans & Perkhidmatan Kewangan menurun kepada -0.1 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

Ketua Perangkaan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata inflasi Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain meningkat kepada 3.2 peratus (April 2024: 3.0 peratus).

"Peningkatan ini disumbangkan terutama oleh subkumpulan Bekalan air & pelbagai perkhidmatan berkaitan rumah kediaman,

32.1 peratus (April 2024: 31.6 peratus).

"Ini seiring dengan kenaikan kadar tarif bagi bekalan air untuk pengguna domestik di Perak bermula Mei 2024. Manakala, inflasi Restoran & Perkhidmatan Penginapan meningkat kepada 3.2 peratus (April 2024: 3.5 peratus) disumbangkan oleh peningkatan subkumpulan utama Perkhidmatan penyediaan minuman kepada 4.1 peratus (April 2024: 3.9 peratus)," katanya.

Dalam laporan sama, DOSM berkata, inflasi bagi Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barang & Perkhidmatan meningkat 3.0 peratus pada Mei 2024 berbanding 3.1 peratus pada April 2024.

Peningkatan itu disumbangkan oleh peningkatan bagi kelas perbelanjaan Barang kemas & jam tangan 16.5 peratus (April 2024: 17.0 peratus). Kumpulan Makanan & Minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajarnya IHP mencatatkan peningkatan perlahan 1.8 peratus pada Mei 2024 (April 2024: 2.0 peratus).

Subkumpulan utama Makanan di rumah meningkat secara marginal kepada 0.5 peratus pada Mei 2024 (April 2024: 0.4 peratus).

Kelas perbelanjaan sayur-sayuran merekodkan peningkatan tertinggi sebanyak 4.8 peratus berbanding 3.2 peratus pada April 2024. Antara sayur-sayuran yang mencatatkan kenaikan dua angka adalah bawang putih, bawang besar, lada benggala dan timun.

DOSM berkata, inflasi bagi kelas perbelanjaan daging merekod penurunan -0.3 peratus pada Mei 2024 (April 2024: -0.9 peratus).

Daging ayam segar yang

menjadi komponen terbesar merangkumi 32.6 peratus dalam kelas perbelanjaan daging masih berada dalam jajaran negatif iaitu negatif 0.8 peratus (April 2024: -3.5 peratus).

Berdasarkan pengumpulan data DOSM, purata harga ayam standard di Malaysia pada Mei 2024 adalah RM10.42 sekilogram berbanding RM10.45 sekilogram pada Mei 2023 (April 2024: RM10.13), manakala purata harga ayam standard bagi Semenanjung Malaysia pada Mei 2024 adalah RM9.71 sekilogram berbanding RM9.92 sekilogram pada bulan Mei 2023 (April 2024: RM9.33).

## Harga kekal stabil

Selain itu, pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai 2024 memastikan harga kekal stabil semasa perayaan.

Selain itu, subkumpulan utama Makanan di luar rumah meningkat lebih rendah sebanyak 3.4 peratus berbanding 4.0 peratus pada bulan sebelumnya.

Antara item yang merekodkan peningkatan lebih rendah berbanding bulan sebelumnya ialah seperti nasi campur, nasi lemak dan masakan daging.

Sementara itu, DOSM mendedahkan, inflasi pengangkutan meningkat secara marginal kepada 0.9 peratus pada Mei 2024 berbanding 0.8 peratus pada April 2024.

"Peningkatan ini disumbangkan oleh subkumpulan utama Pengurusan peralatan pengangkutan persendirian yang meningkat kepada 1.4 peratus pada Mei 2024 (April 2024: 1.3 peratus).



Mohd Uzir Mahidin